

NO. SOALAN: 36

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA: YB DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 7 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN:

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **Perdana Menteri** menyatakan apakah impak 'penubuhan koperasi masjid di seluruh Malaysia' di kalangan rakyat yang beragama Islam dari sudut hala tuju perkembangan Perekonomian Ummah di kariah atau kawasan masjid yang telah terlibat setakat ini.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa urusan mengenai koperasi adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) tertakluk di bawah Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007) [Akta 502] dan

peraturan-peraturan yang berkuat kuasa di bawahnya. Manakala pentadbiran masjid-masjid kariah di seluruh negara adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri-negeri sebagaimana ditetapkan dalam Butiran 1, Senarai II - Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan sentiasa menggalakkan pengwujudannya bagi memberi peluang kepada ahli-ahli kariah menjana pendapatan dan menjadikannya sebagai pusat pembangunan ekonomi masyarakat setempat.

Dalam masa yang sama, pihak berkuasa agama negeri-negeri telah bekerjasama dengan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) yang membantu dalam usaha penubuhan koperasi kariah masjid di negeri-negeri. Sebuah Koperasi Kariah Masjid yang telah berdaftar di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia boleh terlibat dalam pelbagai aktiviti perniagaan dan juga perkhidmatan. Antaranya ialah seperti berikut:

- i) melalui kepelbagaian aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi Kariah Masjid seperti aktiviti pemborongan dan peruncitan, ianya akan membuka peluang-peluang pekerjaan kepada anggota serta kariah setempat. Ini dapat membantu golongan yang memerlukan terutama golongan asnaf dan juga ibu tunggal untuk mendapat pekerjaan;
- ii) koperasi berperanan membantu meningkatkan dana kewangan masjid serta membantu membangunkan tanah-tanah waqaf yang terbiar untuk manfaat masyarakat setempat;

- iii) melalui koperasi juga, diharap produk-produk halal keluaran umat Islam dapat dipertingkat pengeluarannya. Dengan ini masalah untuk mendapatkan produk halal yang diyakini kebersihan dan kesuciannya dapat ditangani serta keperluan umat Islam dapat dipenuhi; dan
- iv) koperasi juga boleh memainkan peranan membantu memasarkan produk-produk keluaran anggota setempat supaya produk anggota yang mempunyai masalah dari segi pemasaran dan modal dapat dibantu melalui jaringan kerjasama antara dua pihak.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (37)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 7 MAC 2017 [SELASA]

**DARIPADA : YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]**

SOALAN :-

YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk terus berada di bawah Thailand dan Vietnam dalam aspek perbelanjaan peruntukan perlindungan kesihatan asas berbanding KDNK Negara.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat terkini daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 2014, perbelanjaan kesihatan bagi Malaysia ialah 4.2% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) iaitu lebih tinggi daripada Thailand yang membelanjakan 4.1% daripada KDNK. Vietnam pula membelanjakan sebanyak 7.1% daripada KDNK untuk kesihatan.

Walaupun peratusan perbelanjaan kesihatan keseluruhan Vietnam adalah lebih tinggi daripada Malaysia, namun, kerajaan negara Vietnam hanya menyumbang 54.1% sahaja daripada perbelanjaan tersebut berbanding kerajaan Malaysia yang memberi sumbangan lebih tinggi iaitu 55.2% di mana bakinya adalah dari sektor swasta.

Jumlah perbelanjaan kesihatan bukanlah sebenarnya merupakan indikator yang menentukan tahap pencapaian kesihatan sesebuah negara. Sebagai contoh, pada tahun 2016, *Bloomberg Healthcare Efficiency Index* (dengan izin) telah meletakkan Malaysia di kedudukan

ke-22 daripada 55 negara dari segi efisiensi perkhidmatan kesihatan, serta di tangga yang lebih baik daripada negara-negara seperti Thailand (kedudukan ke-41) dan Amerika Syarikat (kedudukan ke-50).

Sekian, terima kasih.

7 Mac 2017